

85 anak penyu karah dilepas ke perairan Labuan

BH 06/11/23 m/s 19

Labuan: Sebanyak 85 ekor anak penyu karah yang juga spesies terancam dilepaskan ke laut di sini, malam kelmarin.

Berlangsung di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar, acara istimewa itu menyaksikan anak penyu berkenaan ‘diiringi’ 80 sukarelawan terdiri daripada pelajar Sekolah Antarabangsa Labuan, Sekolah Menengah St Anthony dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedau.

Projek kerjasama antara Kelab Lions Mandarin Labuan, Jabatan Perikanan Labuan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) itu adalah inisiatif pemuliharaan penyu karah di samping meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara alam sekitar.

Presiden Kelab Lions Man-

darin Labuan, Chia Sia Theng, berkata acara itu selari dengan kempen global sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang memberi tumpuan kepada memerangi pencemaran plastik dan pada masa sama memperjuangkan kesajahteraan hidupan laut.

“Pelepasan ini melambangkan realiti sedih mengenai daya tahan dan kelemahan populasi penyu karah,” katanya.

Jaga spesies terancam

Acara itu juga katanya menekankan kepentingan aktiviti pembersihan pantai sebagai komponen pendidikan dan pembabitan dalam isu alam sekitar, bagi memastikan laut bebas daripada sampah atau bahan berbahaya.

Sia Theng berkata, pelepasan anak penyu karah itu adalah contoh potensi dapat dicapai menerusi tindakan bersama dalam men-

jaga spesies terancam dan lautan.

“Ia menggariskan tanggungjawab dikongsi bersama dalam memelihara kekayaan biodiversi-

ti ekosistem marin kita,” katanya.

Pelajar turut diberi taklimat mengenai usaha pemuliharaan penyu yang dijalankan di Pu-

lau Rusukan Besar oleh Ketua Pemuliharaan Penyu dan Marin, Jabatan Perikanan Labuan Ryanto Saifuddin. BERNAMA



Sukarelawan terdiri daripada pelajar menyaksikan pelepasan anak penyu karah ke laut di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar, Labuan, kelmarin.

(Foto BERNAMA)